

# Tanam 20,025 pokok cipta MOBR

JABATAN Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berjaya menanam sebanyak 20,025 pokok spesies paya gambut secara serentak di Hutan Simpan Pekan sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2025 Peringkat Negeri Pahang.

Program julung kali itu turut mencatat rekod dalam The Malaysia Book of Records (MBOR).

Penanaman pokok tersebut

melibatkan kawasan seluas 18 hektar di lokasi hutan yang pernah terbakar sebelum ini.

Majlis perasmian sambutan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali.

■SEBAHAGIAN 20,025 pokok spesies paya gambut yang ditanam sempena Hari Hutan Antarabangsa 2025 di Hutan Simpan Pekan, Pahang.

